



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM FOKUS TINGKATKAN PROFESIONALISME MODAL INSAN PEKERJA SOSIAL MALAYSIA MENDEPANI KRISIS DAN CABARAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 31 Mei – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited untuk meningkatkan profesionalisme modal insan pekerja sosial di Malaysia. Penganjuran Simposium Kebangsaan Kerja Sosial 2021 yang bertemakan “Memperkukuhkan Solidariti Sosial dan Keterhubungan Global” merupakan salah satu usaha menghimpunkan tokoh-tokoh kerja sosial untuk berkongsi amalan terbaik dan input-input sosial bagi penambahbaikan perkhidmatan kerja sosial secara keseluruhan.

Simposium yang merupakan kolaborasi strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menerusi Institut Sosial Malaysia dengan MASW dan Universiti Malaya ini telah bermula dari 27 Mei 2021 sehingga 29 Mei 2021 secara dalam talian. Seramai 15 tokoh kerja sosial dalam dan luar negara telah membentangkan kertas kerja dalam simposium berkenaan yang dihadiri kira-kira 200 orang peserta.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan simposium ini secara dalam talian pada 29 Mei 2021 yang lalu. Dalam ucapannya, beliau menyuarakan pandangan bahawa resolusi yang terhasil daripada penganjuran simposium ini akan membantu meningkatkan lagi profesionalisme kerja sosial di Malaysia melalui input-input penambahbaikan daripada aspek penyeliaan, latihan dan *universal best practice* dalam amalan kerja sosial.

“Praktis kerja sosial yang profesional perlu diiktiraf dan diperkasakan untuk memastikan pembangunan yang seimbang dalam semua aspek kehidupan dapat dicapai. Justeru, KPWKM turut meletakkan keutamaan untuk memperkasakan solidariti sosial dengan mempunyai tenaga kerja yang komited dan profesional, dan mewujudkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam bidang kerja sosial melalui penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial. KPWKM turut meletakkan sasaran untuk mengangkat Perkhidmatan Kerja Sosial sebagai perkhidmatan profesional di dalam Pelan Strategik KPWKM 2021-2025” kata beliau dalam ucapannya.

Resolusi yang dicapai adalah untuk memanfaatkan platform simposium dengan kolaborasi pelbagai pihak, seperti agensi Kerajaan, swasta, NGO dalam dan luar negara sebagai satu sumber input bagi hala tuju praktis kerja sosial di negara ini. Disamping mengusulkan cadangan untuk memberi penekanan terhadap intervensi kerja sosial yang inovatif berbentuk psikososial dalam suasana pandemik COVID-19 khususnya dalam berhadapan dengan konteks ‘social vulnerability’ masyarakat Malaysia mutakhir ini.

Simposium juga mengusulkan agar pihak Kerajaan mengangkat peranan NGO sebagai rakan strategik atau kongsi, dan bukan hanya dilihat sebagai pelengkap kepada perkhidmatan Kerajaan khususnya dalam situasi sekarang ini. Oleh yang demikian pekerja atau pengamal sosial perlu memperkasakan kompetensi kerja sosial yang lebih bersifat strategik dan memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memberi perkhidmatan sosial yang profesional dan berkualiti tinggi dengan pengaplikasian elemen-elemen dalam praktis kerja sosial seperti pengetahuan, nilai dan kemahiran khususnya ketika bekerja dengan kumpulan sasaran yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

Perancangan dan persediaan KPWKM untuk memprofesionalkan bidang kerja sosial, adalah selari dengan usahasama dan komitmen negara-negara ASEAN dalam mengukuhkan perkhidmatan kerja sosial melalui *Hanoi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN*

Community yang telah diperakui oleh pemimpin-pemimpin ASEAN pada tahun 2020.

ISM merupakan agensi KPWKM yang menjadi sumber rujukan dan pusat latihan dalam bidang kerja sosial yang menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan sederhana sejak ia ditubuhkan pada tahun 2002. ISM turut menawarkan kursus di peringkat pasca siswazah khususnya kepada pekerja sosial di negara ini. Kerjasama yang erat antara agensi kerajaan persekutuan, institut pengajian tinggi (IPT) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu dikekalkan bagi memastikan bidang kerja sosial terus ditambahbaik, mampu beradaptasi dengan perubahan zaman dan kehendak masyarakat serta menjadikan perkhidmatan kerja sosial lebih berkesan dan efisien.

*** Tamat ***

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat INSTITUT SOSIAL MALAYSIA
		LOT PT 13856, KM 6 Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban 57100 Sungai Besi, Kuala Lumpur
No.Telefon	:	03-7985 3333
Tarikh dikeluarkan	:	31 Mei 2021